



SOAL JAWAB: ARAH KIBLAT



**BUKU INI MENGANDUNGI AYAT SUCI AL-QURAN.
PELIHARALAH KESUCIANNYA**

EDARAN PERCUMA



SOAL JAWAB: ARAH KIBLAT

**DISUSUN OLEH:
BAHAGIAN RUJUKAN MAKLUMAT DAN
BAHAGIAN FALAK**

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
2020

Cetakan Pertama 2016
Cetakan Kedua Edisi Baharu 2020
©Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang.

SOAL JAWAB: ARAH KIBLAT

Semakan & Terbitan

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
Tingkat 48, KOMTAR,
10000 Georgetown,
Pulau Pinang.
Tel: 04-263 2975 Faks: 04-263 2985
<http://mufti.penang.gov.my>
emel:mufti@penang.gov.my

Konsep, Reka bentuk dan Cetakan

Intelligent Global Enterprise
No.10, Tingkat 1,
Lorong Almajaya 11, Taman Almajaya,
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang

KANDUNGAN

	Muka Surat
Kata Alu-aluan	i
Mukadimah	ii
1. Definisi	1
2. Hukum dan Pensyariatatan	2
3. Peralatan dan Perisian	14
4. Fenomena & <i>Isitwa' A'dzom</i>	18
5. Kaedah Penentuan	20
Rujukan	25



KATA ALU-ALUAN

MUFTI KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

Alhamdulillah, setinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah ﷻ kerana dengan limpah izin-Nya, Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang dapat menerbitkan buku **Soal Jawab: Arah Kiblat**.

Pengetahuan dalam penentuan arah kiblat ini amat penting kerana melibatkan urusan ibadat dan juga urusan-urusan lain. Harus difahami pengetahuan arah kiblat bukan hanya untuk melaksanakan ibadah solat semata-mata, tetapi juga dapat digunakan untuk urusan lain. Contohnya, pengurusan tanah perkuburan orang Islam, adab ketika membaca al-Quran, berdoa, ketika sembelih haiwan ternakan dan sebagainya.

Selain itu, antara hikmah yang lebih baik dengan mengetahui arah kiblat ialah dapat mengelakkan melakukan perbuatan yang dilarang. Contohnya, membuang air kecil atau besar dengan menghadap arah kiblat.

Justeru, penerbitan buku soal jawab ini diharapkan dapat merungkai persoalan yang sering bermunculan dalam minda masyarakat awam dan sering dibincangkan dalam kalangan mereka iaitu kaedah-kaedah penentuan dan isu-isu semasa berkaitan penentuan arah kiblat. Selain itu, buku ini juga dimuatkan dengan jawapan daripada soalan-soalan yang selalu diajukan oleh masyarakat awam.

Akhir kata, setinggi ucapan terima kasih kepada urus setia yang terlibat dalam menjayakan penerbitan soal jawab ini. Semoga penerbitan yang kecil ini dapat memberikan manfaat kepada semua pihak. Pihak kami juga mengalu-alukan sebarang teguran dan nasihat bagi penambahbaikan penerbitan kami.

Sekian, terima kasih.

DATO' SERI DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD NOOR
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang

MUKADIMAH

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam, di atas segala nikmat yang dikurniakan kepada kita sehingga terhasilnya buku Soal Jawab : Arah Kiblat ini. Selawat dan salam buat junjungan besar kita Nabi Muhammad ﷺ, ahli keluarga baginda, sekalian para sahabat, para tabiin serta para ulama sebagai pewaris Nabi.

Menghadap kiblat adalah salah satu daripada syarat sah solat. Ia juga berkait rapat dengan beberapa tuntutan wajib dan sunat dalam Islam seperti pengebumian jenazah, penyembelihan, berdoa dan sebagainya.

Dalam konteks pentadbiran dan pengurusan arah kiblat, ia termasuk dalam perkara hukum yang terletak di bawah bidang kuasa Mufti Kerajaan Negeri.

Firman Allah ﷻ :

﴿ وَمَنْ حَيْثُ خَرَجْتَ فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَحَيْثُ مَا كُنْتُمْ فَوَلُّوا وُجُوهَكُمْ شَطْرَهُ
لَعَلَّ الْبَنَاءَ عَلَىكُمْ حُجَّةٌ إِلَّا الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْهُمْ فَلَا تَحْشَوْهُمْ وَاَحْسِنُوا وَلَا تَنْتَرِعَمْتِي عَلَيْهِمْ وَلَعَلَّكُمْ
تَهْتَدُونَ ﴿١٥٠﴾

"Dan dari mana sahaja engkau keluar (untuk mengerjakan solat), maka hadapkanlah mukamu ke arah masjid al-Haram (Kaabah) dan sesungguhnya ketentuan itu adalah benar-benar daripada Tuhanmu. (Ingatlah) Allah sekali-kali tidak lalai akan segala apa yang kamu lakukan."

(Surah al-Baqarah: 150)

Firman Allah :

﴿ وَهُوَ الَّذِي خَلَقَ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ كُلٌّ فِي فَلَكٍ يَسْبَحُونَ ﴿٣٣﴾ ﴾

“Dan Dialah (Tuhan) yang telah menjadikan malam dan siang, matahari dan bulan. Tiap-tiap satunya beredar terapung-apung di tempat edaran masing-masing (di angkasa lepas).”

(Surah al-Anbiya': 33)

Ayat-ayat di atas menjelaskan bahawa matahari dan bulan bergerak dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Matahari tidak akan muncul pada waktu malam, manakala siang dan malam pula bergilir-gilir menggantikan antara satu dengan yang lain. Setiap sesuatu di langit itu beredar pada orbitnya masing-masing menurut ketentuan Allah .

Ilmu falak merupakan ilmu yang membincangkan mengenai pergerakan jasad-jasad samawi khususnya bulan, matahari, bintang dan planet pada orbitnya. Pada hari ini ilmu falak lebih dikenali sebagai astronomi. Manakala skop kajian bidang falak ini terlalu luas kerana ia melibatkan alam cakerawala keseluruhannya. Bagaimanapun, di Malaysia, skop ilmu falak khususnya di jabatan-jabatan mufti tertumpu bagi tujuan penyempurnaan sesuatu ibadah khususnya bidang-bidang yang berkaitan penentuan waktu solat, penentuan arah kiblat, penentuan takwim hijri, dan gerhana matahari serta bulan.


Isi kandungan buku ini merupakan himpunan permasalahan yang selalu diajukan ke Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang oleh masyarakat awam. Dengan penerbitan buku ini, masyarakat awam, pelajar-pelajar dapat memahami isu-isu dan pengurusan berkaitan penentuan arah kiblat khususnya di negeri Pulau Pinang. Diharapkan buku ini dapat dimanfaatkan dan dikongsi bersama oleh semua pihak, di samping sebagai rujukan kepada seluruh umat Islam.

SURAH AL-BAQARAH

AYAT 150

وَمِنْ حَيْثُ خَرَجْتَ فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَحَيْثُ مَا
كُنْتُمْ فَوَلُّوا وُجُوهَكُمْ شَطْرَهُ لِئَلَّا يَكُونَ لِلنَّاسِ عَلَيْكُمْ حُجَّةٌ إِلَّا
الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْهُمْ فَلَا تَخْشَوْهُمْ وَاخْشَوْنِي وَلَا تَمَّ نِعْمَتِي عَلَيْكُمْ
وَلَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ

Maksudnya: Dan dari mana sahaja engkau keluar (untuk mengerjakan sembahyang), maka hadapkanlah mukamu ke arah masjid Al-Haraam (Kaabah); dan di mana sahaja kamu berada maka hadapkanlah muka kamu ke arahnya, supaya tidak ada lagi (sebarang) alasan bagi orang-orang (yang menyalahi kamu), kecuali orang-orang yang zalim di antara mereka (ada sahaja yang mereka jadikan alasan). Maka janganlah kamu takut kepada (cacat cela) mereka, dan takutlah kamu kepada Ku (semata-mata); dan supaya Aku sempurnakan nikmatKu kepada kamu, dan juga supaya kamu beroleh petunjuk hidayah (mengenai perkara yang benar).



DEFINISI

**1**

Apakah maksud arah kiblat?

Arah kiblat merupakan arah (جهة) ke Kaabah yang terletak di Makkah. Dari segi ilmu falak, arah kiblat ditakrifkan sebagai arah Kaabah bagi yang dekat dengan Kaabah yang yakin akan arahnya tetapi bagi yang jauh hanya menghadap ke arahnya dengan perkiraan.

HUKUM & PENSYARIATAN

1

Apakah hujah kewajiban menghadap arah kiblat?

Dalil kewajiban menghadap kiblat ketika menunaikan solat adalah seperti yang tercatat dalam al-Quran:

﴿وَمَنْ حَيْثُ خَرَجْتَ فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَحَيْثُ مَا كُنْتُمْ فَوَلُّوا
وُجُوهَكُمْ شَطْرَهُ لِئَلَّا يَكُونَ لِلنَّاسِ عَلَيْكُمْ حُجَّةٌ إِلَّا الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْهُمْ فَلَا تَخْشَوْهُمْ
وَأَخْشَوْنِي وَلَا تَمَنَّعْتُمْ عَلَيَّكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ﴾

Maksudnya: Dan dari mana sahaja engkau keluar (untuk mengerjakan solat), maka hadapkanlah mukamu ke arah Masjid al-Haram (Kaabah); dan di mana sahaja kamu berada maka hadapkanlah muka kamu ke arahnya, supaya tidak ada lagi (sebarang) alasan bagi orang-orang (yang menyalahi kamu), kecuali orang yang zalim di antara mereka (disebabkan keingkaran mereka). Maka janganlah kamu takut kepada mereka, tetapi takutlah kamu kepada-Ku dan supaya Aku sempurnakan nikmat-Ku kepada kamu dan juga supaya kamu beroleh petunjuk (mengenai kebenaran)

(Surah al-Baqarah:150).

عن أبي هريرة رضي الله عنه أن النبي صلى الله عليه وسلم قال: إذا قمت إلى الصلاة فأسبغ الوضوء ثم استقبل
القبلة فكبر

Maksudnya: Apabila kamu berdiri untuk mendirikan solat, hendaklah kamu menyempurnakan wuduk, kemudian menghadaplah ke arah kiblat dan bertakbirlah.

(Riwayat al-Bukhari, Hadis No.5897 dan Muslim, Hadis No.397)

2

Bilakah disyariatkan menghadap arah kiblat ke Kaabah?

Pensyariatan Kaabah sebagai arah kiblat bermula pada awal hijrah Nabi ﷺ ke Madinah. Sebelum Kaabah disyariatkan sebagai arah kiblat, Baitul Maqdis merupakan kiblat pertama Nabi ﷺ dan para sahabat. Hal ini berdasarkan hadis :

عَنِ الْبَرَاءِ بْنِ عَازِبٍ رضي الله عنه قَالَ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ صَلَّى نَحْوَ بَيْتِ الْمَقْدِسِ سِتَّةَ عَشَرَ أَوْ سَبْعَةَ عَشَرَ شَهْرًا وَكَانَ رَسُولُ ﷺ يُحِبُّ أَنْ يُوجَّهَ إِلَى الْكُعْبَةِ فَأَنْزَلَ اللَّهُ ﷻ ﴿قَدْ نَرَى تَقَلُّبَ وَجْهِكَ فِي السَّمَاءِ...﴾ (١٤٤) فَتَوَجَّهَ نَحْوَ الْكُعْبَةِ وَقَالَ السُّفَهَاءُ مِنَ النَّاسِ وَهُمْ الْيَهُودُ سَيَقُولُ السُّفَهَاءُ مِنَ النَّاسِ مَا وَلَّهُمْ عَن قِبَلِهِمُ الَّذِي كَانُوا عَلَيْهَا قُلْ لِلَّهِ الْمَشْرِقُ وَالْمَغْرِبُ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ (١٤٥) ﴿ فَصَلَّى مَعَ النَّبِيِّ ﷺ رَجُلٌ ثُمَّ خَرَجَ بَعْدَ مَا صَلَّى فَمَرَّ عَلَى قَوْمٍ مِنَ الْأَنْصَارِ فِي صَلَاةِ الْعَصْرِ نَحْوَ بَيْتِ الْمَقْدِسِ فَقَالَ هُوَ يَشْهَدُ أَنَّهُ صَلَّى مَعَ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ وَأَنَّهُ تَوَجَّهَ نَحْوَ الْكُعْبَةِ فَتَحَرَّفَ الْقَوْمُ حَتَّى تَوَجَّهُوا نَحْوَ الْكُعْبَةِ

Maksudnya: Maksudnya: Daripada al-Bara' bin Azib رضي الله عنه berkata: “Rasulullah ﷺ bersolat menghadap Baitul Maqdis selama 16 atau 17 bulan, sedangkan baginda ﷺ amat suka bersolat menghadap ke arah Kaabah. Allah ﷻ menurunkan ayat yang bermaksud: *Kerap kali Kami melihat engkau (wahai Muhammad), berulang kali mendongak ke langit, maka Kami benarkan engkau berpaling menghadap kiblat yang engkau sukai. Oleh itu, palingkanlah mukamu ke arah Masjid al-Haram (Kaabah), dan di mana sahaja kamu berada maka hadapkanlah muka kamu ke arahnya. Sesungguhnya orang (Yahudi dan Nasrani) yang telah diberikan kitab mengetahui bahawa perkara itu (pemindahan kiblat ke Kaabah) itu adalah perintah yang benar daripada Tuhan mereka. Allah sekali-kali tidak lalai akan apa yang mereka lakukan. (Surah al-Baqarah:144).* Maka, baginda ﷺ pun menghadap ke Kaabah. Orang-orang jahil iaitu orang-orang Yahudi berkata: “Apakah yang menyebabkan mereka berpaling dari arah kiblat yang ada pada mereka?”

Allah ﷻ menerangkan: *Orang yang bodoh di kalangan manusia (kaum Yahudi dan Musyrikin) akan berkata: “Apakah yang menjadikan orang Islam berpaling dari kiblat mereka selama ini?” Katakanlah (wahai Muhammad): “Timur dan Barat adalah*

kepunyaan Allah.” Allah memberikan hidayah kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya ke jalan yang lurus (agama Islam). (Surah al-Baqarah:142). Seseorang lelaki bersolat bersama dengan Nabi ﷺ kemudian lelaki itu keluar setelah selesai solat dan lalu di hadapan sekumpulan orang-orang Ansar yang sedang bersolat Asar menghadap ke Baitul Maqdis. Lelaki itu berkata: “Dia mengaku bersolat bersama-sama Rasulullah ﷺ menghadap ke arah Kaabah. (Riwayat al-Bukhari, Hadis No.393). Lalu Allah ﷻ menurunkan ayat yang bermaksud: Dan (ingatlah) ketika Kami jadikan Baitullah (Kaabah) itu tempat tumpuan bagi umat manusia (untuk ibadah haji) serta tempat yang aman; dan kami hendaklah menjadikan sebahagian daripada makam Ibrahim itu sebagai tempat solat; dan Kami telah memerintahkan Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail (dengan berfirman): “Bersihkanlah Rumah-Ku (Kaabah dan Masjid al-Haram daripada segala perkara yang dilarang) untuk orang- yang bertawaf, orang yang beriktikaf dan orang yang rukuk serta sujud.

(Surah al-Baqarah:125)



3

Bagaimana cara menghadap arah kiblat?

Cara menghadap arah kiblat bergantung kepada dua (2) keadaan:

- i) Dapat melihat Kaabah; hendaklah menghadap ke arah fizikal Kaabah dengan yakin.
- ii) Jauh dari Kaabah; hendaklah menghadap ke arah Kaabah berdasarkan kepada tanda-tanda mungkin (ظني) atau pasti (قطعي) seperti dengan melihat kompas, alat khas yang boleh menentukan arah Kaabah, mengikut terbit dan terbenamnya matahari ataupun dengan melihat gugusan bintang (buruj).


4

Bagaimanakah ijhtihad' arah kiblat?

Ijhtihad arah kiblat adalah berusaha bersungguh-sungguh dalam menentukan azimut arah kiblat berpandukan kepada kaedah berikut:

- i) Tanda-tanda fizikal seperti matahari, bulan dan bintang.
- ii) Peralatan seperti kompas, teodolit, tongkat *istiwa'*, *rubu' mujayyab* dan sebagainya.
- iii) Bertaqlid (bertanya atau mengikut) orang yang berijhtihad seperti penduduk setempat.

Jika kesemua kaedah di atas tidak didapati, maka seseorang itu harus berijhtihad sendiri dan menghadap ke mana-mana arah.



12.84m x 11.53m x 14m dalam keluasan kota Mekah 26km persegi.

Jarak Pulau Pinang-Arab Saudi = 6,740km.

1m selisih = 1.954km

1° = 117km

(Sumber: JUPEM Pulau Pinang)

1. Menurut Syeikh Muhammad Sidqi al-Borno, istilah ijhtihad dalam kaedah ini bukan merujuk kepada definisi khusus iaitu ijhtihad dalam mengistinbatkan hukum fiqh daripada dalil syarak, tetapi ia merujuk kepada tiga perkara, salah satunya ialah *al-Taharriy* iaitu usaha untuk menentukan ketepatan dan kebenaran dalam suatu perkara.

(Rujuk *al-Wajiz fi Idhah Qawaid al-fiqh al-kuliyah*, hlm.385-386).

5

Apakah hukum kita solat dengan tidak menghadap ke arah kiblat?

Menghadap ke arah kiblat adalah salah satu syarat sah solat. Jika seseorang sudah mengetahui arah kiblat dengan yakin, tetapi dia sengaja tidak menghadap ke arah kiblat atau membuat andaian arah secara membuta tuli, maka solatnya tidak sah.

6

Bagaimana angkasawan menentukan arah kiblat ketika berada di angkasa lepas?

Angkasawan menentukan arah kiblat ketika berada di angkasa lepas mengikut arah kiblat di mana tempat mereka memulakan perjalanan naik ke angkasa dari bumi.

Contohnya angkasawan negara (Datuk Dr. Sheikh Muzaffar) yang berlepas ke angkasa dari Baikonaur, Kazakhstan kiblat ketika di angkasa adalah sama dengan arah kiblat di Baikonaur, Kazakhstan

7

Apakah maksud azimut?

Azimut merupakan satu (1) unit ukuran yang diukur dalam unit darjah atau simbol ($^{\circ}$). Sudut yang diukur dari Utara mengikut arah jam dinamakan sudut azimut (Az). Istilah ini biasanya digunakan dalam banyak aplikasi termasuk pandu arah, astronomi, kejuruteraan, pemetaan, perlombongan dan artileri.

(Ilmu Falak: Teori, Praktikal Dan Hitungan)

8

Bagaimanakah cara menentukan arah kiblat ketika berada di dalam kapal terbang/kapal selam?

Arah kiblat dalam kapal terbang/kapal selam boleh ditentukan dengan merujuk kepada paparan peta di skrin tempat duduk atau anak kapal tentang kedudukan semasa pesawat/kapal selam. Berdasarkan maklumat tersebut, kita boleh membuat anggaran arah kiblat. Contohnya, sekiranya pesawat dari **Malaysia** mengarah ke utara maka anggaran arah kiblat adalah di sebelah kiri (barat laut) pesawat/kapal selam.

9

Bagaimanakah jika kita tahu yang kita sedang membelakangkan arah kiblat, ketika menunaikan solat dalam kapal terbang/kapal selam?

Terdapat dua keadaan orang yang membelakangkan arah kiblat:

- i) Orang yang tahu mengenai arah pergerakan pesawat/kapal seperti kapten/juru terbang.
Wajib menghadapkan dadanya ke arah kiblat. Ini adalah berdasarkan hadis Nabi ﷺ yang bermaksud:
Maksudnya: *Orang yang solat di atas kapal tetap menghadap kiblat setiap kali kapal itu berpindah arah.*
(Direkodkan oleh Ibnu Abi Syaibah di dalam Al-Musannif 3/189, no: 6634).
- ii) Orang yang mengetahui arah kiblat di awal solat sahaja.
Memadai menghadap kiblat ketika Takbiratul Ihram dalam lingkungan kadar 90° kiri atau kanan. Maka apabila pesawat bertukar arah selepas itu dan dada kita tidak lagi menghala ke arah kiblat, maka ia dimaafkan.



10 Bagaimanakah kita ingin melakukan solat dalam keadaan tidak dapat menghadap kiblat?

Amatlah perlu bagi seseorang untuk menghadap ke arah kiblat ketika hendak menunaikan solat. Ini kerana, menghadap ke arah kiblat merupakan syarat sah bagi solat. Ia berdasarkan firman Allah ﷻ:

﴿... قَوْلٍ وَجْهَكَ شَطْرَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَحَيْثُ مَا كُنْتُمْ فَوَلُّوا وُجُوهَكُمْ شَطْرَهُ...﴾

Maksudnya: Oleh itu, palingkanlah mukamu ke arah Masjid al-Haram (Kaabah), dan di mana sahaja kamu berada maka hadapkanlah muka kamu ke arahnya...

(Surah al-Baqarah:144)

Kata al-Imam al-Qurthubi ketika menafsirkan ayat ini: Palingkanlah urusan wajah kamu menghadap ke arah sudut Masjid al-Haram iaitu kaabah, ia dikecualikan jika terdapat keuzuran untuk menghadap ke arah kiblat maka dibolehkan untuk menghadap arah yang paling hampir dengan kiblat. Jika ini juga tidak dapat dilakukan, maka hendaklah solat tersebut diulang semula (*i'adah*) sekiranya masih berada di dalam waktu ataupun qadha sebaik sahaja berada dalam keadaan yang boleh ditentukan arah kiblat dengan yakin sekiranya sudah luput waktu.



11 Bagaimanakah jika tidak dapat ditentukan arah kiblat?

Dalam hal tersebut, satu daripada syarat sah solat adalah menghadap ke arah kiblat ketika solat fardu. Oleh itu, seseorang yang ingin solat boleh bertanya kepada yang tahu, menggunakan kompas atau selainnya. Namun begitu, jika selesai solat baru diketahui kita telah tersalah kiblat, maka para ulama terbahagi kepada dua pandangan. Jika yakin selepas solat tersalah kiblat, maka wajib untuk mengulanginya seperti dinukilkan oleh Imam an-Nawawi.

Beliau berhujah dengan ayat al-Quran dan hadis yang mewajibkan solat menghadap ke arah kiblat. Adapun Imam al-Ramli berpandangan, tidak perlu diulang semula kerana seseorang telah berjihad kepada arah kiblatnya yang diyakini secara pasti sebelum menunaikan solat. Itu juga pendapat Imam Abu Hanifah, Imam Malik dan Imam Ahmad bin Hanbal.

Kesimpulannya, untuk lebih berhati-hati, maka mengulangi solat itu adalah lebih utama jika diri benar-benar meyakini tersalah kiblat selepas mendirikan solat.



12

Bagaimanakah hendak menentukan arah kiblat semasa dalam tawanan perang?

Semasa dalam tawanan perang, dapat disimpulkan bahawa seseorang itu berada dalam keadaan darurat, maka diharuskan untuk berjihad arah kiblatnya jika tidak diketahui.



13

Bagaimanakah kiblat bagi orang buta?

Islam tidak pernah memberatkan bagi orang yang sakit atau buta, sudah pasti ada keringan baginya. Sekiranya ada orang yang boleh ditanya, maka dia boleh bertanya kepada orang berkenaan. Sekiranya tidak ada, maka menghadapkan dada ke mana jua berdasarkan keyakinan dalam dirinya.



14

Apakah perkara dan perbuatan yang disunatkan untuk menghadap arah kiblat

Antara perkara yang disunatkan untuk menghadap kiblat adalah seperti membaca al-Quran, berdoa, berwuduk, sembelih binatang, mandi wajib dan tidur.



15

Bolehkah 'qada hajat' dalam keadaan menghadap arah kiblat?

Rasulullah ﷺ memang melarang 'qada hajat' dengan menghadap kiblat, tetapi larangan ini adalah untuk tempat yang terbuka. Jika terdapat halangan seperti dinding atau pintu, maka ia tidak dilarang. Dalilnya ialah hadis berikut:

عن مروان الأصفر، قال: رأيت ابن عمر أَنَاخَ راحلته مستقبل القبلة ثم جلس يبول إليها فقلت: [يا] أبا عبد الرحمن أليس قد نُهِيَ عن هذا؟ قال: بلى، إنما نُهِيَ عن ذَلِكَ فِي الْفَصَاءِ فَإِذَا كَانَ بَيْنَكَ وَبَيْنَ الْقِبْلَةِ شَيْءٌ يُسْتُرُكَ فَلَا بَأْسَ

Marwan al-Asfar berkata: “Saya pernah melihat Ibn Umar (yakni seorang sahabat Nabi) merendahkan untanya menghadap kiblat, lalu dia duduk dan membuang air kecil dalam keadaan menghadapnya.” Lalu saya bertanya: “Wahai Abu Abdurrahman (gelaran untuk Ibn Umar), bukankah hal ini telah dilarang?” Dia menjawab: “Benar, akan tetapi hal itu dilarang jika dilakukan di tempat terbuka. Apabila antara dirimu dan kiblat ada sesuatu yang menutupimu, maka itu tidaklah mengapa.”

[Riwayat Abu Daud, Hadis No: 11].

16

Bagaimanakah kedudukan orang yang hampir mati (nazak) menghadap ke arah kiblat?

Bagaimanakah kedudukan orang yang hampir mati (nazak) ke arah kiblat?

Perbuatan mengalihkan orang yang hampir mati (nazak) ke arah kiblat adalah sunat dengan sepakat para ulama kerana kiblat adalah arah yang paling baik sebagaimana sabda Nabi ﷺ: “Sesungguhnya bagi setiap perkara ada yang terbaik/paling utama. Sesungguhnya yang terbaik bagi segala kedudukan ialah yang menghala ke arah kiblat”

(Al-Mu’jam Al-Ausat, Imam At-Tabrani; 2354, dari Abu Hurairah r.a. Status hadis: menurut Al-Haitsami dan Al-Munziri: isnadnya hasan. Lihat: Faidhul Qadier: 2421).

Diriwayatkan dari Saidina ‘Umar r.a bahawa ia memesan anaknya: “Apabila aku hampir meninggal, alihkanlah aku ke arah kiblat”. Pesanan yang sama juga ada diriwayatkan dari Saidina Ali r.a’.

(A-Fawakih ad-Dawani, 1/283).

Adapun cara menghadapkannya ke arah kiblat itu ada dua cara:-

- i) Membaringkannya di atas rusuk kanan dengan muka dan dada menghadap ke arah kiblat, iaitu sebagaimana kedudukan mayat dalam kubur. Jika tidak dapat di atas rusuk kanan, di atas rusuk kiri dengan muka dan dada ke arah kiblat.
- ii) Atau; membaringkannya di atas belakang dengan kaki menghadap ke kiblat dan kepala ditinggikan sedikit (iaitu dengan meletakkan lapik di bawahnya) supaya muka kelihatan menghadap ke arah kiblat.

Mana-mana satu dari dua cara di atas boleh dilakukan. Namun para ulama khilaf pada menentukan mana yang terbaik. Jumhur ulama (merangkumi Mazhab Maliki, Hanafi dan kebanyakan ulama Mazhab Syafie) menyukai cara (i). Jika tidak boleh cara yang (i), baru cara yang (ii). Imam Abu Muhammad al-Juwaini dan Imam al-Ghazali menyukai

cara (ii). Berkata: Imam al-Haramain: cara (ii) ialah cara yang biasa dilakukan manusia.

Namun perkara ini tidak perlu dititik beratkan jika menyusahkan orang yang sedang sakit itu atau orang lain (kerana rumah sempit dan sebagainya). Sa'id bin al-Musayyab (seorang Tabi'in terkenal) semasa beliau sakit, orang ramai ingin mengubah kedudukannya. Dia bertanya kepada mereka: "Apa yang ingin kamu semua lakukan terhadapku?". Mereka menjawab kepadanya: "Kami ingin mengubah kedudukanmu agar menghadap ke arah kiblat". Dia menjawab; "Bukankah aku dari dulu lagi berada di atas kiblat (yakni berada di atas agama Islam) hinggalah ke hari ini?".

(al-Mughni, Ibnu Qudamah; 2/286).

Berkata Ibnu Hazm: jika dapat diarahkan ke arah kiblat, elok dilakukan. Jika tidak, tidak mengapa menghadap ke mana pun kerana Allah ﷻ berfirman:

﴿وَلِلَّهِ الْمَشْرِقُ وَالْمَغْرِبُ فَأَيْنَمَا تُولُوا فَثَمَّ وَجْهُ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ وَاسِعٌ عَلِيمٌ﴾

Maksudnya: Allah jualah yang memiliki timur dan barat. Maka ke mana sahaja kamu menghadapkan diri (*pada waktu bersolat atas perintah-Nya*), maka di situlah kiblat yang diredai Allah. Sesungguhnya Allah Maha Luas (*rahmat dan limpah kurniaan-Nya*), lagi Maha Mengetahui.

(Surah al-Baqarah: 115).

Berkata as-Sya'bi: '(Ketika nazak atau baru kematian) kamu boleh sama ada ingin mengalihkannya ke arah kiblat atau tidak mahu mengalihnya. Namun di dalam kubur, pastikan ia menghadap ke kiblat...'

(al-Muhalla, Ibnu Hazm, 3/405).

17

Bagaimana sekiranya mayat atau jenazah yang dikebumikan dalam liang lahad, tidak menghadap arah kiblat?

Jenazah tersebut perlu digali dan dikebumikan semula ke liang lahad yang menghadap ke arah kiblat. Pembongkaran dan pemindahan pusara hendaklah mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, ahli waris (jika ada) dan pihak berkuasa yang berkaitan. Had kompromi yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Falak MAINPP adalah 45° . Pusara orang Islam yang telah lama dan perlu dibongkar semula untuk ditanam jenazah yang lain untuk dipindahkan kerana wujud keperluan mendesak untuk kemaslahatan umum, boleh dilaksanakan dengan syarat usia pusara telah melebihi 60 tahun kerana diyakini jenazah telah hancur dan menjadi tanah. Tulang mayat yang dijumpai haram dipecahkan bahkan wajib dikumpul dan ditanam kembali di kawasan pusara yang telah dikenal pasti.

PERALATAN & PERISIAN

1

Apakah peralatan yang boleh digunakan untuk menentukan arah kiblat?

Terdapat beberapa peralatan yang boleh digunakan untuk menentukan arah kiblat, antaranya:


- i) Peralatan yang mudah dan praktikal adalah kompas dan aplikasi mudah alih berasaskan *Global Positioning System (GPS)*.
- ii) Peralatan yang memerlukan kemahiran khusus untuk mengendalikannya seperti total station, teodolit, *Global Navigation Satellite System (GNSS)*, *tongkat istiswa'* dan *rubu' mujayyab*.




Global Navigation Satellite System (GNSS)



Teodolit/Total Station



Tongkat Istiwa'



Rubu' Mujayyab



Bolehkah kita menggunakan kompas untuk menentukan arah kiblat?

Boleh. Penggunaan kompas adalah salah satu kaedah yang boleh digunakan untuk menentukan arah kiblat. Kompas akan memberi nilai dan arah seperti Utara, Timur, Selatan dan Barat. Cuma, di sini kita hanya perlu mengetahui nilai azimut dan arah kiblat yang betul. Purata nilai azimut arah kiblat bagi seluruh Malaysia adalah di antara 291° hingga 293° tertakluk kepada tempat anda berada.

Perlu diingat, nilai jarum dan arah pada kompas ini amat **mudah tertarik dengan unsur-unsur besi dan arus elektrik** yang berada di sekeliling kita. Kompas yang digunakan juga perlu diselenggara (*calibrate*) terlebih dahulu.

Negeri	Bandar Utama	Latitud	Longitud	Azimuth Kiblat
Perlis	Kangar	$6^\circ 26'$	$100^\circ 11'$	$291^\circ 2' 46''$
Kedah	Alor Setar	$6^\circ 07'$	$100^\circ 22'$	$291^\circ 11' 51''$
Pulau Pinang	Georgetown	$5^\circ 25'$	$100^\circ 20'$	$291^\circ 34' 11''$
Melaka	Bandar Melaka	$2^\circ 11'$	$102^\circ 15'$	$292^\circ 53' 53''$
Perak	Ipoh	$4^\circ 35'$	$101^\circ 05'$	$291^\circ 54' 34''$
Wilayah Persekutuan	Kuala Lumpur	$3^\circ 09'$	$101^\circ 42'$	$292^\circ 31' 43''$
Negeri Sembilan	Seremban	$2^\circ 43'$	$101^\circ 56'$	$292^\circ 41' 58''$
Johor	Johor Bahru	$1^\circ 28'$	$103^\circ 45'$	$292^\circ 58' 55''$
Kelantan	Kota Bharu	$6^\circ 08'$	$102^\circ 12'$	$291^\circ 1' 27''$
Terengganu	Kuala Terengganu	$5^\circ 20'$	$103^\circ 08'$	$291^\circ 19' 46''$
Pahang	Kuantan	$3^\circ 49'$	$103^\circ 19'$	$292^\circ 0' 37''$
Sabah	Kota Kinabalu	$5^\circ 59'$	$116^\circ 04'$	$290^\circ 36' 56''$
Sarawak	Kuching	$1^\circ 10'$	$111^\circ 20'$	$292^\circ 8' 8''$

3

Bolehkah perisian yang dimuat turun dalam peranti pintar (*gadget*) digunakan untuk menentukan arah kiblat?


Boleh. Namun perisian yang terdapat dalam peranti pintar (*gadget*) kebanyakannya menggunakan kaedah medan magnet Utara seperti kompas. Oleh itu, ianya perlu digunakan secara berhati-hati dengan mengambil kira unsur-unsur tarikan besi atau arus elektrik kerana ia boleh memberi kesan kepada bacaan nilai dan arah yang kurang tepat. Walau bagaimanapun, perisian yang berasaskan sistem penentu kedudukan sejagat (*Global Positioning System-GPS*) lebih stabil dan diutamakan.

4

Bagimanakah cara dalam menentukan nilai darjah yang dimaksudkan dengan mudah tanpa menggunakan kompas?

Nilai darjah boleh dianggarkan dengan menggunakan tangan sebagaimana rajah di bawah:

TAKWIM, ARAH KIBLAT DAN WAKTU SOLAT



Panduan jari untuk mengetahui nilai sudut.

FENOMENA & *ISTIWA' A'DZOM*

1

Apakah maksud *Istiwa' A'dzom* (استواء أعظم)?


Istiwa' A'dzom merupakan fenomena di mana matahari akan berada tepat di atas Kaabah. Peristiwa ini akan berlaku dua (2) kali dalam setahun apabila nilai sudut *Istiwa'* matahari akan bersamaan dengan nilai latitud Makkah, di mana terletaknya Kaabah.

Semasa peristiwa ini berlaku, umat Islam seluruh dunia boleh membuat semakan arah kiblat berpandukan bayang yang terhasil pada waktu itu.

2

Bilakah tarikh kita dapat menentukan arah kiblat menggunakan kaedah peristiwa *Istiwa' A'dzom*?

Di Malaysia, peristiwa ini akan berlaku sebanyak dua kali setahun; iaitu pada 28 Mei antara jam 5:16 petang dan 16 Julai antara jam 5:28 petang. Kedudukan arah kiblat (nilai azimut) boleh diukur pada bila-bila masa dalam tempoh 20 minit dari waktu berlaku *Istiwa'*.



Kedudukan Matahari Tepat di Atas Kaabah

3

Adakah peristiwa *Istiwa' A'dzom* sama tarikh dan masanya ketika tahun lompat?

Peristiwa *Istiwa' A'dzom* pada tahun lompat akan berlaku sehari lebih awal iaitu pada 27 Mei dan 15 Julai pada tempoh masa yang sama.

4

Apakah maksud 'Bayang Searah Kiblat' pada takwim Hijri dan Jadual Waktu Solat Pulau Pinang?

'Bayang Searah Kiblat' bermaksud detik waktu matahari berada searah atau selari dengan garisan arah kiblat tempatan (Pulau Pinang). Tempoh bayang searah kiblat adalah berdasarkan kedudukan matahari harian (291° - 292°). Maklumat ini boleh digunakan untuk menentukan arah kiblat. Rujuk kepada Takwim Hijri dan Jadual Waktu Solat Negeri Pulau Pinang terkini.



MASIHI 2020	ISYAK	MAGHRIB	ASAR	ZUHUR	SYURUK WAKTU TERBIT MATAHARI	SUBUH	BAYANG SEARAH KIBLAT		HIJRI 1442	
							MULA	AKHIR		
20	8:42	7:31	4:36	1:24	7:12	6:04	2:36	2:39	1	خميس
21	8:42	7:31	4:36	1:24	7:12	6:04	2:32	2:35	2	جمعة
22	8:41	7:30	4:35	1:24	7:12	6:04	2:28	2:31	3	سبتو
23	8:41	7:30	4:34	1:23	7:12	6:04	2:24	2:26	4	احد
24	8:40	7:30	4:33	1:23	7:12	6:04	2:20	2:22	5	اثنين
25	8:40	7:29	4:32	1:23	7:12	6:04	2:15	2:18	6	ثلاث
26	8:39	7:29	4:31	1:23	7:12	6:04	2:11	2:13	7	رابو
27	8:39	7:28	4:30	1:22	7:11	6:04	2:07	2:09	8	خميس
28	8:38	7:28	4:29	1:22	7:11	6:04	2:03	2:04	9	جمعة
29	8:38	7:27	4:28	1:22	7:11	6:04	1:59	2:00	10	سبتو
30	8:37	7:27	4:27	1:21	7:11	6:04	1:55	1:56	11	احد

Jadual Kiraan Bayang Searah Kiblat

KAEDAH PENENTUAN

1

Adakah kita boleh mengetahui arah kiblat pada waktu malam? Bagaimanakah caranya?


Ya. Arah kiblat boleh ditentukan pada waktu malam dengan menggunakan beberapa kaedah:


- i) Penggunaan kompas
- ii) Berpandukan kedudukan buruj (gugusan bintang)
- iii) Berpandukan kedudukan bulan
- iv) Penggunaan satelit (*Global Navigation Satellite System*)

2

Bagaimana menentukan arah kiblat menggunakan buruj?

Terdapat 88 buruj di langit yang boleh dijadikan panduan untuk mengetahui arah. Namun, hanya beberapa buruj boleh digunakan untuk menentukan arah kiblat seperti jadual berikut:

Buruj		Kaedah pemerhatian/penentuan
 <p>Buruj Belantik (<i>Orion</i>)</p>	i.	Boleh dilihat di antara bulan Januari hingga bulan Mac
	ii.	Buruj ini akan berada di atas kepala kita ketika waktu Maghrib dalam bulan tersebut.
	iii.	Buruj ini mempunyai tiga (3) bintang iaitu Alnitak, Alnilam dan Almintaka yang sebaris.
	iv.	Arah kiblat dapat ditentukan berpandukan kedudukan garisan bintang yang menghala ke arah Barat Laut.

Buruj		Kaedah pemerhatian/penentuan
 <p>Buruj Biduk (<i>Ursa Major</i>)</p>	i.	Buruj ini berbentuk beruang besar atau lebih dikenali dengan panggilan 'gayung', kerana bintang-bintang utama dan terang yang terdapat dalam gugusan ini akan kelihatan seperti sebuah gayung.
	ii.	Buruj ini akan menunjukkan arah Utara.
	iii.	Anggaran arah kiblat berada di sebelah kiri (Barat Laut) arah yang ditunjukkan oleh buruj (Utara).

Buruj		Kaedah pemerhatian/penentuan
	i.	Buruj ini mempunyai empat (4) bintang utama yang terang. Ianya berbentuk seolah-olah seperti salib atau ikan pari.
	ii.	Bintang <i>Acrux</i> yang berada sebelah bawah atau ekor (Selatan) akan menunjukkan arah Selatan.
	iii.	Anggaran arah kiblat dapat ditentukan setelah dikenalpasti arah Utara dan Selatan, maka apabila kita menghadap ke arah Selatan maka kiblat berada di sebelah kanan (Barat Laut)
Buruj Pari (<i>Crux</i>)		



3 Bilakah buruj akan berada di langit? Adakah pada setiap malam?

Buruj sentiasa berada di langit, sama ada pada waktu malam atau siang. Namun, buruj akan dapat dilihat dengan jelas pada waktu malam tanpa cahaya matahari. Walau bagaimanapun, buruj yang kelihatan dari kedudukan kita berubah-ubah mengikut musim dan masa tertentu.

4

Bagaimanakah kaedah penentuan arah kiblat berpandukan bintang?

Terdapat dua (2) kaedah penentuan arah kiblat berpandukan bintang iaitu:

Buruj		Kaedah pemerhatian/penentuan
 <p>Bintang Qhutbi (Polaris)</p>	i.	Satu bintang di bahagian Utara yang menunjukkan arah Utara tepat. Bintang ini dianggap sebagai 'paku bumi' disebabkan kedudukannya yang tidak bergerak.
	ii.	Di Malaysia, peluang kenampakkan bintang ini agak tipis disebabkan ketinggiannya lebih kurang 5 darjah agak rendah di bahagian ufuk sebelah Utara sepanjang masa. Berpandukan bintang ini, anggaran arah kiblat berada di sebelah kiri (Barat Laut) arah yang ditunjukkan.
	iii.	Jika seseorang itu berada di Kutub Utara, maka bintang ini akan berada tegak (<i>zenith</i>) di atas kepala dan tidak bergerak.
 <p>Matahari</p>	i.	Berpandukan kepada kedudukan bayang matahari pada waktu pagi dan petang atau semasa matahari hampir terbenam.




5 Adakah tempat matahari terbenam boleh dijadikan sebagai arah kiblat?

Tempat matahari terbenam boleh dijadikan sebagai arah kiblat. Bagi mendapatkan arah kiblat yang tepat perlu mengetahui nilai azimut tempat matahari terbenam. Ini kerana, tempat matahari terbenam di ufuk sentiasa berubah setiap bulan malah hampir setiap hari.



6 Bagaimana kaedah yang betul untuk menentukan arah kiblat dengan kaedah matahari terbenam?

Berikut adalah nilai azimut atau nilai darjah yang perlu ditambah dan dikurangkan berdasarkan perubahan kedudukan terbenam matahari setiap bulan.

Kanan	Kiri
Januari-ke kanan 45° darjah Februari-ke kanan 40° darjah Mac-ke kanan 25° darjah April-ke kanan 15° darjah Mei-ke kanan 5° darjah Julai-ke kanan 1° darjah Ogos-ke kanan 5° darjah September-ke kanan 15° darjah Oktober-ke kanan 30° darjah November-ke kanan 40° darjah Disember-ke kanan 45° darjah	 <p>Matahari di Ufuk Barat Jun-ke kiri 1° darjah</p>

RUJUKAN

1. Muhammad Arsyad Al-Banjari, Sabil Al-Muhtadin, Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, 2008, ms.267.
2. Irsyad Usul Fiqh Siri 60, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 22 April 2020.
3. Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan, Selangor: Yayasan Restu, 2007.
4. Ar-Risalah Fi Ta'yyin al-Qiblah, Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang, 2018.
5. Ibn Asya'at As-Sajastani al-Azdi, Sunan Abi Daud, Qahirah: Dar al-Hadis, 1988, jil. 1, ms.3.
6. Sahih Abi Abdullah al-Bukhari bi Syarh Imam al-Karmani, Qahirah: Dar al-Fikr, jil.3, ms.62-63.
7. Imam Abi Zakaria Mahyudin Imam an-Nawawi), Al-Majmu' Syarh al-Muhazzab, Qahirah: Dar al-Fikr, jil.5, ms.116.
8. Abi Abdullah Muhammad Bin Ahmad al-Ansari, Al-Jami' lil ahkam al-Quran, Qahirah: Dar al-Fikr. Jil.1, ms.148.



SOAL JAWAB: ARAH KIBLAT



Diterbitkan oleh:

JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG

Tingkat 48, KOMTAR, 10000 Pulau Pinang

Tel: +604-263 2975 | Faks: +604-263 2985

Web: <http://mufti.penang.gov.my>

Emel: mufti@penang.gov.my